

Headline	Kes HIV, AIDS di Sabah turun		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	01 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	6	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 258
Frequency	Daily	PR Value	RM 774



Kes HIV, AIDS di Sabah turun

KOTA KINABALU: Sabah merekod penurunan pada jumlah kes HIV, AIDS dan kematian akibatnya, yang dilaporkan tahun ini.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Mohd Yusof Hj Ibrahim berkata, data antara Januari hingga September 2011, terdapat 107 kes HIV yang dilaporkan, 20 kes AIDS dan empat kematian berbanding 129 kes HIV, 28 kes AIDS dan 17 kematian pada tempoh yang sama tahun lalu.

"Daripada kes HIV itu, 67.3% adalah lelaki dan 37.3% perempuan bagi tempoh yang sama. Majoriti pesakit adalah Bumiputera Sabah (57.9%), diikuti rakyat asing (18.7%), Cina (13.1%), Melayu (6.5%), India (1.9%) dan Bumiputera Sarawak (1.9%)," katanya sempena Hari AIDS Sedunia tahun ini.

Berdasarkan statistik, pengarah itu berkata 36.4% daripada kes HIV yang dilaporkan itu melibatkan mereka berumur antara 20 hingga 29 tahun, diikuti 29.9% daripada kumpulan umur 30-39 tahun dan 12.1% dalam kumpulan umur 40-49 tahun.

Yang lainnya adalah dalam kumpulan umur 13-19 tahun (10.3%), 50 tahun ke atas (8.4%) dan berumur dua tahun ke bawah (2.8%).

Mengenai cara jangkitan, Dr Mohd Yusof berkata, jangkitan HIV kebanyakannya tersebar melalui hubungan heteroseksual (97.2%) sementara selebihnya 2.8% melalui jangkitan vertikal (iaitu dari ibu kepada anak).

Berdasarkan pekerjaan, Dr Mohd Yusof berkata 45.8% daripada mereka yang dijangkiti HIV terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap sementara 25.2% mereka

dalam kategori pekerjaan lain.

Pecahan seterusnya adalah: 9.3% (suri rumah), 9.3% (penganggur), 8.4% (pegawai kerajaan) dan 2% (anggota badan berpakaian seragam).

Memaklumkan orang ramai tentang pendedahan yang mungkin membawa risiko terhadap jangkitan HIV, Dr Mohd Yusof berkata ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dalam keadaan seperti berikut.

- Mempunyai pasangan yang dijangkiti HIV
- Jika seseorang itu pelacur atau melangani pelacur
- Seorang rakan yang homoseksual
- Mempunyai banyak pasangan seks
- Mengadakan hubungan seksual dengan pasangan atau rakan berupa seorang penagih dadah
- Penagih dadah yang pernah berkongsi jarum suntikan

"Dengan itu sesiapa yang terlibat dalam kelakuan berisiko tinggi dinasihatkan mendapatkan pemeriksaan HIV di mana-mana klinik kesihatan kerajaan. Nama mereka akan dirahsiakan.

"Ujian itu mudah diperolehi, ringkas dan tidak menyakitkan," kata Dr Mohd Yusof.

Menurut beliau, pelanggan yang disahkan HIV-positif akan dirujuk kepada sebuah klinik kesihatan atau hospital yang menawarkan perkhidmatan pengurusan HIV.

Perkhidmatan seperti itu, katanya, meliputi kaunseling, pemeriksaan kesihatan, ujian makmal dan rawatan.